

Terbitan Kristian †

Apakah Itu Gereja?

KANDUNGAN

Pengenalan

7

Bab 1

Apakah Gereja?

9

Bab 2

Pemimpin Gereja

13

Bab 3

Pembaptisan & Perjamuan Kudus

23

Bab 4

**Kesatuan &
Menangani Masalah Dosa**

27

Kesimpulan

32

Latihan Menghafal Firman Tuhan
Pengakuan Iman Rasuli

34

... dan menjelaskan kepada semua orang pelaksanaan rahsia itu, yang dari permulaan zaman telah terselindung dalam hati Allah yang menjadikan segala-galanya. Dengan demikian sekarang pelbagai kebijaksanaan Allah diberitahu oleh jemaah kepada segala pemerintah dan kuasa di syurga. Ini adalah menurut maksud-Nya yang kekal yang telah ditunaikan-Nya dalam Yesus Kristus, Tuhan kita; yang dalam-Nya kita mendapat kebebasan dan keyakinan menghampiri Allah melalui iman.

Efesus 3:9-12

PENGENALAN

Dalam buku ini, kita akan belajar tentang rumah Allah (yakni gereja). Kita akan membaca apa yang dikatakan oleh Alkitab tentang umat Allah dan peranan pengikut Yesus. Kita juga akan melihat rancangan dan tujuan Allah bagi para pengikut-Nya di gereja-Nya.

Buku 5 menjelaskan rumah Allah dalam empat bahagian utama seperti berikut:

- Apakah Gereja?
- Pemimpin Gereja
- Pembaptisan & Perjamuan Kudus
- Menangani Masalah Dosa

Dengan mengkaji tujuan, reka bentuk dan perwatakan gereja Allah, kita akan memahami dengan lebih baik sebabnya Tuhan menyeru kita bersama-sama dengan orang percaya yang lain dan bagaimana kita harus saling bersekutu, melayani dan bekerjasama dalam Kristus.

Di samping itu, buku 5 akan membincangkan kualiti dan siapa itu para pemimpin jemaah serta tanggungjawab mereka sebagai para pengikut Yesus yang matang. Seterusnya, kita akan mengkaji

persaudaraan para pengikut Kristus yang merangkumi pembaptisan dan perjamuan kudus, kepentingan kesatuan, dan prinsip-prinsip yang berdasarkan Alkitab untuk menyelesaikan masalah dosa di gereja.

BAB 1: APAKAH GEREJA?

Bait Allah dalam Perjanjian Lama

Sebelum wujudnya bait suci, para pengikut Tuhan beribadat di tempat-tempat lapang dan membina mazbah khusus untuk mempersembahkan korban kepada Tuhan seperti yang dilakukan oleh nabi Nuh (Kejadian 8:18-20).

Seterusnya, Tuhan memerintahkan Israel membina sebuah khemah bagi hadirat suci-Nya (tabernakel) dan bagaimana Israel harus menghadap-Nya (KELUARAN 25:8-9, 40). Tuhan memberikan arahan yang terperinci tentang pembinaan khemah suci ini. Rujuk Keluaran fasal 25–27, 36–38, 40.

Dalam Perjanjian Lama, tabernakel itu dirujuk sebagai “tempat tinggal” Allah. Tabernakel memberikan bukti kukuh bahawa Tuhan memang bersama-sama umat-Nya. Maka, janji-Nya untuk berada bersama-sama dengan umat-Nya berlambangkan tabernakel itu (IMAMAT 26:11).

Kemudian umat Allah membina bait Allah yang ditahbiskan kepada-Nya (1 RAJA-RAJA 8:27-30). Bait Allah dalam Perjanjian Lama ialah “rumah Allah” atau pusat penyembahan dan pertemuan dengan Tuhan.

Bertahun-tahun lamanya selepas terbinanya bait Salomo, Israel percaya bahawa selagi mereka mempunyai sebuah bait suci untuk mempersembahkan korban serta menyembah Tuhan, Dia akan gembira dengan (ketaatan) mereka (YEREMIA 7:3-8).

Namun begitu, sungguhpun rumah (atau bait suci) yang indah dan mengagumkan itu dibina khusus untuk (penyembahan) Tuhan, lama kelamaan, umat mula tersesat dan tidak lagi setia dalam mematuhi hukum-hukum-Nya.

Akibatnya, Tuhan menarik balik kehadiran-Nya daripada bait itu apabila umat-Nya sudah tidak lagi beriman, dan bait itu dimusnahkan oleh warga Babel pada tahun 586 Sebelum Masihi.

Bait Allah dalam Perjanjian Baru

- a) Bait Allah bukanlah “rumah Tuhan” seperti dalam perjanjian Lama (KISAH RASUL-RASUL 7:44-50)
- b) Bait Allah adalah peribadi orang percaya (1 KORINTUS 3:16-17, 1 KORINTUS 6:17-20).
- c) Bait Allah adalah komuniti orang percaya (EFESUS 2:11-22).

Perjanjian Baru menyatakan bahawa Tuhan membuat ruang suci-Nya dalam kalangan mereka yang percaya kepada Yesus dan yang menghadkan mereka di bawah kekuasaan-Nya. Allah yang diam dalam diri kita menjadikan kita bait-Nya di bumi ini (YOHANES 3:24; 4:16). Dengan hidup berdasarkan iman dan berkembang secara rohani, kita sama-sama sedang dibina untuk menjadi sebuah tempat kediaman Tuhan.

Sebagai para pengikut, kita merupakan bait Allah. Inilah yang menjadikan kita jemaah. Kita tidak perlu berada di dalam sebuah bangunan yang khusus untuk menyembah-Nya. Kita boleh menyembah Tuhan sebagai sebuah *jemaah* di mana-mana sahaja.

Bincangkan: Alkitab mengatakan bahawa kita ialah bait Allah tetapi mengapakah kita perlu datang berkumpul di gereja (gedung) setiap hari Ahad atau pada hari-hari tertentu?

Kita juga diseru untuk menyembah bersama-sama jemaah yang berkomuniti. Jemaah (yang terdiri daripada) para pengikut dipanggil Gereja Allah (KISAH PARA RASUL 5:42). Sebagai Gereja Allah, kita dinasihatkan untuk datang bersama-sama dalam hadirat Tuhan (IBRANI 10:24-25).

Kesimpulannya, sama ada umat Allah mengadakan pertemuan di dalam sebuah bangunan atau tidak, tidak bererti bahawa itu lebih menyenangkan atau kurang menyenangkan Tuhan. Oleh sebab kehadiran Tuhan hidup di dalam kesemua pengikut-Nya, para pengikut Yesus tidak perlu untuk pergi ke sebuah bangunan untuk menyembah-Nya. Asalkan umat Allah berkumpul dalam nama Kristus, kehadiran-Nya akan tetap ada di sana.

Adakah anda tahu dan yakin bahawa anda ialah bait Allah? Jelaskan jawaban anda. Sebagai bait Allah, bagaimanakah anda seharusnya menjalani kehidupan di dunia ini?

Metafora tentang Gereja Allah

Dalam Alkitab, gereja Allah diperihalkan dengan menggunakan pelbagai metafora. Berdasarkan petikan-petikan Alkitab berikut, catatkan implikasinya terhadap anda (dan kumpulan anda) sebagai para pengikut Yesus atau gereja Allah.

Petikan Alkitab	Metafora bagi Kristus dan para pengikut-Nya	Dalam hal fungsi Gereja Allah, apakah implikasi yang praktikal tentang metafora berkenaan?
Yohanes 10:11-18	Gembala dan domba	
1 Korintus 12:12-27	Kepala dan Badan	
Yohanes 1:12; Ibrani 3:6	Bapa dan anak	
Efesus 5:25-32	Pengantin lelaki dan pengantin perempuan	